

09/02/2003

Pihak berkuasa siasat kaitan dengan pergerakan militan

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pihak berkuasa akan menyiasat sama ada kehadiran Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada mesyuarat kumpulan radikal Islam di Makasar, Sulawesi Selatan, pada 2000, ada kaitan dengan pergerakan militan.

"Kita akan siasat," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas gesaan

Pemuda Umno yang mahu pihak berkuasa menyiasat laporan akhbar The Star kelmarin yang mendakwa Pemangku Presiden Pas itu pernah menghadiri mesyuarat itu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita ketika melawat stesen perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan kompleks beli-belah bersepadu

Oriental Village dengan Gunung Machinchang setinggi 708 meter, di Teluk Burau, semalam.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, semalam berkata, siasatan

itu perlu kerana mesyuarat yang dihadiri Abdul Hadi itu dilaporkan turut dihadiri Pengerusi Majlis Mujahiddin Indonesia (MMI) Abu Bakar Bakar Basyir.

Dr Mahathir bagaimanapun berharap Abdul Hadi tidak ada kaitan dengan kegiatan jenayah yang dikaitkan dengan beberapa pemimpin kumpulan militan itu.

"Tak tahulah, saya harap dia tak ada kaitan dengan kegiatan jenayah yang dilakukan oleh beberapa orang di situ," kata Dr Mahathir ketika menjawab soalan mengenai pengesahan hadir Hadi pada persidangan Kongres Islam di Makasar pada Oktober 2000.

Ketika ditanya sama ada wujud pengecualian membabitkan Menteri Besar seperti Abdul Hadi berbanding orang biasa dalam kes seperti itu, Perdana Menteri secara sinis berkata:

"Dia pembangkang. Pembangkang (ada) keistimewaan. Dia pecah (langgar) undang-undang pun kalau dia pembangkang tak apa. Kalau orang kerajaan, silap sikit saja kena bawa ke mahkamah."

Mengenai sama ada kehadiran Abdul Hadi itu seolah-olah dapat mengaitkan

Pas dengan kegiatan militan, Dr Mahathir berkata: "Kita tahu banyak daripada ahli pergerakan militan adalah ahli Pas."

Selain Abu Bakar, akhbar The Star juga melaporkan mesyuarat itu turut dihadiri pemimpin Laskar Jundullah, Agus Dwikarna yang kini menjalani hukuman penjara 17 tahun di Filipina kerana memiliki bahan letupan secara

haram dan disyaki terbabit dalam pengeboman di Manila dan Jakarta.

Akhbar itu memetik majalah Inside Indonesia yang menyebut Menteri Besar

Terengganu itu pernah menghadiri kongres Islam selama tiga hari di Jakarta

bagi menyelaraskan pelaksanaan undang-undang Islam.

Mesyuarat berkenaan dilaporkan dikawal ketat, bukan oleh tentera oleh polis, sebaliknya oleh anggota Laskar Jundullah.

Hadi ketika ditemui wartawan di kediamannya di Kuala Terengganu, kelmarin, mengaku menghadiri persidangan itu mendakwa dijemput menyampaikan ceramah berhubung pelaksanaan undang-undang Islam di Kelantan dan Terengganu.

Bagaimanapun, beliau menafikan pembabitannya dalam kumpulan radikal Islam dan menyifatkan majlis berkenaan sebagai persidangan ilmiah semata-mata.

"Saya dijemput menghadiri persidangan oleh Universiti Hasanuddin serta beberapa badan bukan kerajaan di Sulawesi. Saya difahamkan kongres itu diadakan sempena pindaan perlembagaan di Indonesia.

"Sulawesi dan beberapa wilayah lain diberikan kuasa autonomi oleh kerajaan Indonesia dan mereka mahu mengambil kesempatan itu melaksanakan hukum syariah. Malah, saya juga tidak tahu mengenai kehadiran Abu Bakar pada majlis itu," katanya.